

KHUTBAH JUMAAT: DENGGI DAN KELALAIAN MANUSIA

PENGARANG: NURHELMI B. HJ. IKHSAN

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan lagi ketaqwaan kehadiran Allah s.w.t., dengan sentiasa berusaha untuk menambahbaik kualiti ibadah pada sepanjang masa sebagai bukti untuk menzahirkan segala kesyukuran di atas segala limpahan nikmat dan kasih sayang-Nya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Menjaga kebersihan merupakan satu ciri yang amat penting dan perlu wujud dalam kehidupan manusia yang menjalankan semua urusan kehidupan. Ia merangkumi aspek rohani dan jasmani. Islam menekankan aspek kebersihan diri dan tubuh badan, pakaian, bangunan, kawasan dan lain-lain. Konsep kebersihan yang menyeluruh ini merupakan salah satu nilai yang sangat penting untuk diamalkan kerana bermula dari kebersihan ini akan terbentuklah persekitaran dan masyarakat yang sihat. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

Maksudnya: Kebersihan itu sebahagian daripada kesempurnaan iman.

(riwayat Muslim dan Ahmad).

Menerusi hadis ini jelas membayangkan betapa pentingnya untuk kita menjaga dan mementingkan kebersihan pada setiap masa. Untuk itu, kita perlu sentiasa berlapang dada bagi menilai semula diri kita dan bagaimana sikap kita dalam mementingkan kebersihan? Kesedaran untuk menjaga dan mementingkan kebersihan perlu dipupuk dan disemai sepanjang masa kerana ia akan menjadikan kita untuk lebih bertanggungjawab dan menghargai segala nikmat yang dikurniakan Allah kepada kita.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Namun begitu, terdapat di kalangan sebahagian dari masyarakat kita yang masih lagi mengambil mudah dalam perkara menjaga kebersihan ini. Kita masih lagi cuai kerana menganggap menjaga kebersihan itu bukan tanggungjawab bersama. Kita juga dilihat lebih mementingkan diri sendiri dan tidak mengendahkan akan kesejahteraan dan keselamatan orang lain. Sedangkan dalam Islam, ia jelas menitikberatkan akan tanggungjawab untuk menjaga kebersihan kerana ianya amat berkait rapat dengan kehidupan orang lain selain amalan hidup bermasyarakat yang kita amalkan.

Sepanjang tahun 2006 sehingga pertengahan Disember lalu, terdapat lebih 11, 000 kes demam denggi telah dilaporkan di seluruh negeri Selangor dengan mencatatkan 18 kematian. Apa yang menjadi kebimbangan adalah, sejak beberapa minggu yang lalu, kes demam denggi ini telah menunjukkan peningkatan terutamanya di kawasan bandar seperti di Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya, Klang dan Kajang.

Sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab, kita seharusnya merasa bimbang dengan perkara ini. Kecuaian dan kelalaian kita dalam menjaga kebersihan akan membawa malapetaka dan musibah kepada orang lain. Atas dasar itulah kita perlu memahami satu kaedah fiqhiyyah dalam rangka kewajaran bagi membendung penyakit yang boleh membawa maut ini. Ternyata dalam kaedah penggubalan sesuatu peraturan, Islam menyandarkannya kepada kaedah ‘
yang membawa maksud dilarang membawa kemudharatan kepada diri dan orang lain.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Isu atau penyakit demam denggi ini yang berpunca dari pembiakan nyamuk aedes bukanlah perkara baru. Perhatian dan tindakbalas masyarakat adalah amat perlu dalam menunaikan tanggungjawab sosial. Kita sebagai anggota masyarakat perlu memainkan peranan dan tanggungjawab untuk sama-sama

berusaha mencegah dan mengawalinya. Ia haruslah bermula dari kelompok yang lebih kecil seperti keluarga hinggalah ke peringkat komuniti, masyarakat serta persekitaran. Kita perlu berusaha untuk mendapatkan kebaikan dan kesejahteraan termasuklah dalam aspek menjaga kebersihan dan kesihatan kerana ia termasuk dalam kategori amal soleh. Allah s.w.t. telah berfirman dalam surah al-Fussilat ayat 46:

Maksudnya:

Barangsiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri.

Dalam ayat ini jelas menyatakan bahawasanya segala kebaikan yang dilakukan oleh umat Islam termasuklah dalam usaha untuk menjaga kebersihan dan kesihatan, ia akan mendapat feadah dan manfaatnya, begitu jugalah sebaliknya dan Allah s.w.t. tidak akan sekali-kali menzalimi hamba-Nya.

Justeru itu, kita tidak boleh merasa angkuh dengan merasakan ianya hanyalah satu ujian kecil dari Allah. Tetapi kita perlu ingat bahawa seberapa kecil atau besarnya ujian Allah itu, sebahagiannya adalah berpunca dari sikap manusia itu sendiri yang leka dan lalai dengan tanggungjawabnya. Dalam masa yang sama, kita tidak boleh merasa panik dengan apa yang berlaku, tetapi apa yang lebih penting dan utama adalah bagaimana kita perlu sama-sama bertanggungjawab untuk mencari jalan pencegahan serta penyelesaian yang terbaik.

Antara langkah pencegahan dan kawalan yang boleh kita sama-sama lakukan demi kemaslahatan bersama bagi mencegah wabak penyakit demam denggi ini adalah dengan menjaga kebersihan terutamanya di kawasan rumah dan persekitaran. Penyakit ini tidak memilih individu yang kena dan apa yang mungkin kita kesali adalah mereka yang tidak bersalah menjadi mangsa

akibat dari sikap dan perbuatan orang lain yang tidak memandang serius terhadap kebersihan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Perkara utama yang perlu diberikan perhatian oleh sesebuah komuniti samada di kawasan perumahan atau di kampung-kampung adalah dengan mengadakan kegiatan gotong-royong bagi membersihkan kawasan persekitaran atau perumahan masing-masing bagi mengelakkan seterusnya menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Wabak penyakit demam denggi yang sedang merebak dengan luas buat masa ini, jika tidak dicegah dan dikawal secara bersama akan membawa kesan kepada kesihatan dan kesejahteraan kita bersama. Oleh itu, di samping langkah pencegahan dan pengawalan yang sedang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan, kerjasama orang ramai dalam menangani masalah ini adalah amat penting agar ianya dapat dikawal dengan sebaik dan secepat mungkin dan mengelakkan penderitaan serta kematian anggota keluarga yang kita sayangi.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ
الرَّحِيْمُ.